



## PELUANG KERJAYA DI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan **Penolong Pengarah Gred 41 (Terbuka)** di Sekretariat Teknologi dan Teknikal (TTAS) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

### CARA-CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan melalui link berikut <https://forms.gle/fUhwNfneRqyozgpr7>

### LOKASI PEJABAT

Putrajaya

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 Ogos 2021** (Isnin) jam **12.00 tengah hari**. Permohonan yang **lewat diterima** daripada tarikh yang dinyatakan **tidak akan dipertimbangkan**.

### PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-8800 6268 atau berhubung dengan Unit Sumber Manusia di alamat e-mel [hr@mbot.org.my](mailto:hr@mbot.org.my)

**SYARAT-SYARAT UTAMA PERMOHONAN MENGIKUT JAWATAN  
PENOLONG PENGARAH GRED 41 (TERBUKA)**

**1. Maklumat Perjawatan**

- (i) Jawatan : Penolong Pengarah
- (ii) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (iii) Klasifikasi Perkhidmatan : Terbuka
- (iv) Taraf Jawatan : Kontrak

**2. Jadual Gaji**

| Gred Gaji | Gaji Minimum (RM) | Gaji Maksimum (RM) | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM) |
|-----------|-------------------|--------------------|----------------------------------|
| 41        | 2,422.00          | 10,530.00          | 225.00                           |

**3. Elaun dan Kemudahan**

- (i) Elaun : Kadar bayaran elaun adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang diguna pakai yang masih berkuat kuasa
- (ii) Kemudahan : Kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang diguna pakai yang masih berkuat kuasa

**4. Syarat-Syarat Lantikan**

- (i) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (ii) Kelayakan:
  - (a) Sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi.

- (b) Syarat Bahasa Malaysia - calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (c) Syarat Lantikan Tambahan:
  - 1. Mempunyai kemahiran komputer dan aplikasi teknologi terkini;
  - 2. Mempunyai pengalaman secara langsung dalam pengurusan akreditasi teknologi dan teknikal di institusi pendidikan tinggi;
  - 3. Berkebolehan bertutur dan **penulisan yang baik** dalam **Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu**.

## 5. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) membantu pengarah dalam melicinkan pelaksanaan aktiviti;
- (ii) bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran, aktiviti dan operasi TTAS;
- (iii) mengawal, merancang serta mengeluarkan arahan yang tepat kepada pegawai dan kakitangan supaya hasil kerja yang dikeluarkan adalah produktif dan berkualiti semasa menjalankan kerja luar dan semasa di pejabat;
- (iv) bertanggungjawab mentadbir dan menyelia pejabat TTAS serta kakitangan;
- (v) menyelia kerja-kerja pejabat dengan menyemak hasil kerja laporan akreditasi supaya lengkap, kemas, teratur dan berkualiti sebelum dikemukakan kepada pihak berkenaan;
- (vi) mengurus, memantau, mengawal selia, mentaksir dan menambah baik proses akreditasi dan operasi TTAS;
- (vii) memastikan urusan pentadbiran dan operasi TTAS berjalan dengan lancar; dan
- (viii) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.